**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN**

**JABATAN HUTAN SARAWAK**

Jabatan Hutan Sarawak (JHS) mempelawa warganegara Malaysia (bermastautin di Sarawak) untuk memohon Jawatan Pekerja Harian Sambilan di JHS dalam **"Projek Inventori Sumber Hutan (ISH) Sarawak Fasa II"** yang berinovatif, berdedikasi, profesional dan minat yang mendalam dalam bidang perhutanan dan geospatial.

<table>
<tr><td>Jawatan</td><td>:</td><td>1. Pegawai Penyelidik<br>2. Penolong Pegawai Penyelidik</td></tr>
<tr><td>Tangga Gaji</td><td>:</td><td>
<table>
<tr><th>Kelayakan Akademik</th><th>Upah (RM/ Sehari)</th></tr>
<tr><td>Ijazah Sarjana Muda</td><td>100.00</td></tr>
<tr><td>Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia / Diploma</td><td>72.00</td></tr>
</table>
<br>Berdasarkan "PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 2011 - DASAR DAN PROSEDUR PENGAMBILAN PEKERJA SAMBILAN HARIAN"</td></tr>
<tr><td>Tempoh Perkhidmatan</td><td>:</td><td>Kontrak 2 Tahun (2019-2020)</td></tr>
<tr><td>Tanggungjawab</td><td>:</td><td>Calon yang berjaya menjawat jawatan PEGAWAI PENYELIDIK yang disenaraikan di atas akan:<br><br>1. Bertanggungjawab dan memberi sokongan kepada JHS dalam pengurusan projek dan kerja-kerja harian Jabatan yang berkaitan.<br>2. Merancang, memantau dan mengkoordinasikan kerja-kerja pengumpulan data di pejabat dan lapangan.<br>3. Menyemak data-data lapangan dan data-data geospatial.<br>4. Membantu dalam penyediaan laporan projek.<br><br>Calon yang berjaya menjawat jawatan PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK yang disenaraikan di atas akan<br><br>1. Bertanggungjawab dan memberi sokongan kepada anggota JHS dalam pengurusan projek dan kerja-kerja harian Jabatan yang berkaitan.<br>2. Membantu menjalankan kerja-kerja pengumpulan data di pejabat dan lapangan<br>3. Mengumpul dan mengentri data-data lapangan serta memproses data-data lapangan dan geospatial.</td></tr>
<tr><td>Kelayakan</td><td>:</td><td>Calon-calon bagi lantikan hendaklah warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan dan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-<br><br>A. <u>Akademik</u><br>1. Ijazah Sarjana Muda Sains (Perhutanan) atau Diploma dalam bidang perhutanan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br><br>2. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang sains atau Diploma dalam bidang sains atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya<br><br>B. <u>Pengalaman</u><br>1. Berpengalaman dalam bidang perhutanan dan bidang geospatial akan diutamakan<br><br>C. <u>Am</u><br>1. Mempunyai kemahiran dalam penulisan laporan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dan kefasihan bertutur dalam kedua-dua bahasa tersebut.<br><br>2. Mempunyai kebolehan dan kemahiran dalam merancang dan menjalankan kerja-kerja lapangan di hutan.<br><br>3. Boleh mengendalikan peralatan kerja lapangan dan berkebolehan mengendalikan perisian geospatial (ArcGIS, ENVI, Global Mapper dsb.).</td></tr>
</table>

**Cara Memohon**

Bagi calon-calon yang berminat boleh mengemukakan surat permohonan beserta "*Curriculum Vitae* (CV)" yang mengandungi maklumat diri berserta salinan sijil-sijil akademik, pengalaman kerja dan Kad Pengenalan yang telah disahkan serta 2 keping gambar berukuran passport (tidak dikembalikan) sebelum atau pada 18 Februari 2019 kepada;

Pengarah,
Jabatan Hutan Sarawak
Bangunan Wisma Sumber Alam
Jalan Stadium,
Petra Jaya 93660,
Kuching, Sarawak, Malaysia
(U.P.: Projek Inventori Sumber Hutan (ISH) Sarawak Fasa II, Bahagian Pelesenan)
Laman Web: www.forestry.sarawak.gov.my

*Hanya calon yang layak akan disenarai pendek akan dijemput untuk sesi temuduga*